

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Oleh kerana penyelidikan ini dijalankan berdasarkan kaedah Analisis Kesilapan, maka pada bab ini perbincangan mengenai latar belakang sampel penyelidikan, kaedah pengumpulan data daripada ujian yang telah dijalankan akan diuraikan. Penyelidik juga akan menjelaskan bagaimana data dianalisa dengan menggunakan peratus kesilapan yang telah dilakukan oleh para responden. Setiap kesilapan yang dilakukan oleh responden akan diberikan penjelasan yang akan dapat mengenal pasti sebab-sebab seperti berlaku kesilapan interlingual dan intralingual.

3.2 Sampel

Sampel terdiri daripada 76 orang pelajar Melayu sesi 1998/1999 PPKTJ. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar tahun akhir di pusat ini dan mengikuti kursus BJ yang dijalankan secara intensif. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1, mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang menggunakan buku SNTGRC dan CNTGRC

sebagai buku teks utama dalam pembelajaran asas BJ selama 638 jam iaitu dalam dua semester.

Rasional pemilihan pelajar PPKTJ adalah kerana mereka menggunakan buku SNTGRC dan CNTGRC sebagai buku teks utama yang merangkumi keempat-empat kata penghubung dalam ABBJ.

Sampel terdiri daripada pelajar-pelajar yang terpilih berdasarkan keputusan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) bagi membolehkan mereka mengikuti kursus BJ di PPKTJ sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran di kolej-kolej teknikal di Jepun. Bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke Jepun, mereka perlu mengikuti pembelajaran BJ selama empat semester. Dua semester diperuntukkan untuk hanya pembelajaran BJ peringkat asas dan dua semester lagi diperuntukkan untuk pembelajaran BJ peringkat pertengahan dan di samping itu mereka juga diwajibkan mengikuti kelas-kelas subjek sains seperti fizik, kimia dan matematik dalam BJ.

Sepuluh daripada 76 orang responden adalah pelajar perempuan. Dari segi umur, kesemua responden berumur antara 19 dan 20 tahun. Manakala dari segi latar belakang bahasa pula, bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda, manakala bahasa Inggeris merupakan bahasa yang telah dan sedang dipelajari. Antara 76 responden ini, lima orang daripadanya telah mengikuti pembelajaran BJ di peringkat asas selama lima tahun di sekolah-sekolah menengah di Malaysia sebelum mengikuti kursus BJ di PPKTJ. Penyelidik mengambil kira pelajar-pelajar tersebut sebagai sampel kerana

mereka masih belum didedahkan kepada ayat-ayat bersyarat semasa mengikuti pembelajaran BJ di sekolah menengah.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Lampiran di mukasurat 114 ialah ujian yang telah dikemukakan kepada responden. Ujian yang dikemukakan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Satu dan Bahagian Dua. Bahagian Satu mengandungi 15 soalan dan Bahagian Dua pula mengandungi 24 soalan. Responden dikehendaki memilih satu jawapan sahaja di antara a, b dan c yang diberikan.

Soalan Bahagian Satu ialah soalan-soalan yang hanya mempunyai satu jawapan sahaja. Pada bahagian ini responden-responden dikehendaki memilih satu jawapan yang betul atau sesuai. Manakala soalan Bahagian Dua pula ialah soalan-soalan yang mempunyai lebih daripada satu jawapan yang membolehkan ayat-ayat membentuk ayat yang gramatis. Untuk memudahkan penganalisaan data dilakukan pada bahagian ini, responden-responden dikehendaki memilih satu jawapan yang kurang sesuai di antara tiga jawapan yang telah disediakan.

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan fungsi-fungsi kata penghubung yang merangkumi silibus pembelajaran asas BJ bagi semester pertama dan kedua pelajar PPKTJ. Responden telah mempelajari sebanyak 13 jenis fungsi dan di dalam kertas ujian yang telah disediakan, setiap fungsi kata penghubung mengandungi tiga soalan. Soalan-soalan ini telah disusun secara rawak. Responden

dikumpulkan pada satu masa yang sama dan diberi masa selama 45 minit untuk menyelesaikan ujian ini.

3.3.1 Bahagian Satu

Bahagian ini mengandungi lima fungsi kata penghubung. Ianya terdiri daripada 15 soalan yang perlu dijawab. Responden perlu memilih satu jawapan yang sesuai di antara a, b dan c.

3.3.1.1 Kata Penghubung Tara - Bab 21 Bentuk Ayat No. 4, SNTGRC

Fungsi kata penghubung **Tara** ini tidak boleh ditukar ganti dengan kata penghubung lain iaitu **To**, **Ba** dan **Nara**. Hanya kata penghubung **Tara** sahaja boleh digunakan. Fungsi ini menunjukkan masa pada kata kerja frasa pertama iaitu kata kerja frasa yang pertama selesai dahulu dan diikuti dengan kata kerja frasa kedua. Fungsi ini boleh digabung dengan kata kerja yang berunsurkan bentuk ayat imperatif.

Perlu diingatkan di sini bahawa perkara yang ingin ditekankan oleh penutur dalam ayat ini terletak pada frasa kedua iaitu bila perkara itu patut dilaksanakan adalah bergantung kepada perkara atau kata kerja frasa pertama yang telah selesai. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

1. Shokuji ga _____, osara o aratte kudasai ne.
→ Jika selesai makan, sila basuh pinggan.
- a. owaruto b. owareba c. owattara
6. A: Konnichiwa. Okasama wa irasshaimasu ka.
B: Ie, ima orimasen ga
A: Ja, _____ kore o owatashi kudasai.
→ A: Selamat tengah hari. Emak adakah?
B: Tidak ada.
A: Baiklah, jika (emak) pulang sila berikan (barang) ini kepadanya.
- a. okaerininaruto b. okaerinarunara c. kaerininattara

11. Ryori ga _____, tabemasho.
→ Jika masakan siap, mari (kita) makan.
- a. dekiruto b. dekitara c. dekireba

3.3.1.2 Kata Penghubung Nara - Bab 21 Bentuk Ayat No. 3, SNTGRC

Fungsi kata penghubung **Nara** ini juga tidak boleh ditukargantikan dengan kata penghubung lain. Frasa pertama adalah perkara yang didengari oleh penutur, lalu dia membayangkan perkara tersebut dan memberikan pendapatnya tentang apakah yang perlu dilakukan dalam frasa kedua.

Fungsi ini adalah bertentangan dengan fungsi kata penghubung **Tara**, dari segi masa atau bilakah waktu yang perlu diambil tindakan untuk mengerakkan kata kerja frasa kedua. Bagi fungsi kata penghubung **Tara**, setelah kata kerja frasa pertama selesai barulah kata kerja frasa kedua dilakukan tetapi fungsi kata penghubung **Nara** ini adalah sebaliknya iaitu untuk menghadapi kata kerja frasa pertama tindakan yang perlu diambil ialah memulakan kata kerja frasa kedua. Contoh dari ujian yang diberikan

ialah :

2. _____, yahari mizu no kirena umi e ikitai desu.

→Sekiranya ingin berenang, pastinya (saya) ingin ke laut yang cantik.

a. oyoguto

b. oyogunara

c. oyoidara

7. _____, nihongo de shite kudasai.

→Sekiranya ingin bertanya, sila (gunakan) bahasa Jepun.

a. shitsumosuruto

b. shitsumonsurunara

c. shitsumonsureba

12. _____ kagi o kakete itte kudasai.

→Sekiranya ingi keluar, sila pergi kunci (bilik).

a. gaishutsusurunara

b. gaishutsusureba

c. gaishutsushitara

3.3.1.3 Kata Penghubung Tara - Bab 8 Bentuk Ayat No. 4, CNTGRC

Fungsi kata penghubung **Tara** ini digunakan untuk menunjukkan bila berlakunya kata kerja frasa kedua yang melibatkan dua kata kerja yang berlaku berentetan. Tetapi disebabkan fungsi ini berlaku secara kebetulan sahaja, ianya lebih menggambarkan situasi yang berlaku adalah situasi yang tidak diduga kejadiannya. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

4. Bijitsukan de shashin o _____, kebiin ni chuisarete shimaimashita.

→Semasa (saya) sedang mengambil gambar di galeri, (saya) telah diberi amaran oleh pengawal.

a. utsushiteirunara

b. utsushiteireba

c. utsushiteitara

9. Shokuji o _____, Tanakasan ga yobini kita.
→Semasa (saya) sedang makan, Tanaka datang memanggil.

- a. shiteirunara b. shiteireba c. shiteitara

14. Heya no soji o _____, okane ga dete kita.
→Semasa (saya) sedang mengemas rumah, (saya) terjumpa duit.

- a. shiteirunara b. shiteireba c. shiteitara

3.3.1.4 Kata Penghubung Tara - Bab 12 Bentuk Ayat No. 3, CNTGRC

Bersamaan dengan situasi fungsi di atas tetapi kali ini, kata penghubung **Tara** ini digunakan untuk **Penemuan baru**. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

3. Kino tomatta hoteru no heya de mado o _____, Fujisan ga mieta.
→Semalam apabila tingkap bilik hotel (tempat saya) menginap dibuka, kelihatan gunung Fuji.

- a. akerunara b. akereba c. aketara

8. Mado o shimete dekaketa noni, kaette _____, aite imashita.
→Walaupun saya menutup pintu sebelum keluar, tetapi apabila pulang (kelihatan tingkap itu) terbuka.

- a. kurunara b. kureba c. kitara

13. Purezento no hako o _____, naka niwa nani mo nakatta.
→Apabila (saya) membuka kotak hadiah, didapati di dalamnya tiada apa-apa.

- a. akerunara b. akereba c. aketara

3.3.1.5 Kata Penghubung To - Bab 12 Bentuk Ayat No. 1, CNTGRC

Fungsi kata penghubung **To** ini tidak mewakili situasi yang sering atau berulang kali berlaku. Namun fungsi ini masih lagi melibatkan dua peristiwa yang berlaku berturutan. Apabila kata kerja frasa pertama terjadi, sejurus itu kata kerja frasa kedua dengan semula jadinya atau dengan sendirinya pasti akan berlaku. Fungsi ini digunakan apabila menggambarkan **Peristiwa yang berlaku berentetan** yang melibatkan dua kata kerja. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

5. Seki ni _____, tabehajimeta.

→Selesai sahaja duduk, (dia) mula makan.

a. tsukuto

b. tsukeba

c. tsukunara

10. Ani wa, daigaku o _____, sugu kekkonshita.

→Selesai sahaja menamatkan pelajaran di universiti, abang terus melangsungkan perkahwinan.

a. deruto

b. dereba

c. derunara

15. Tsukareteita node, yoko ni _____, sugu nete shimatta.

→Disebabkan penat, sejurus sahaja berbaring, (saya) terus terlena.

a. naruto

b. nareba

c. narunara

3.3.2 Bahagian Dua

Bahagian ini mengandungi lapan fungsi kata penghubung. Ianya terdiri daripada 24 soalan yang perlu dijawab. Pelajar perlu memilih satu jawapan yang salah atau kurang sesuai di antara a, b dan c.

3.3.2.1 Kata Penghubung Tara - Bab 16 Bentuk Ayat No. 5, SNTGRC

Fungsi kata penghubung **Tara** ini tidak menunjukkan situasi yang sering atau berulang kali berlaku. Fungsi ini juga seolah-olah menjadikan kata kerja frasa pertama had atau lingkungan yang telah ditetapkan untuk kata kerja frasa kedua berlaku. Fungsi ini digunakan apabila meneka sesuatu yang masih belum berlaku atau masih belum diketahui.

Situasi ini mengandaikan sekiranya kata kerja frasa pertama terjadi, maka kata kerja frasa kedua pasti berlaku. Seiringan dengan itu juga, dengan cara tidak langsung, penutur menggambarkan situasi yang sebaliknya. Fungsi ini digabungkan dengan ungkapan ‘moshi’ – (jika). Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

1. Ashita ame ga _____, haikingu ni ikimasho.
→ Esok jika tidak hujan, mari pergi mendaki (hiking).

a. furanaito b. furakereba c. furanakkattara

9. Moshi ashita no shiken no ten ga _____, ryoko ni iku no o yamemasu.
→ Jika teruk markah peperiksaan esok, (saya) tidak akan pergi melancong.

a. waruito b. warukereba c. warukattara

14. Moshi ryokin ga _____, sono hoteru ni tomarimasu.

→Jika murah bayarannya, kita bermalam di hotel sana.

a. yasukereba

b. yasukatara

c. yasuito

3.3.2.2 Kata Penghubung Tara - Bab 13 Bentuk Ayat No. 4, CNTGRC

Fungsi kata penghubung **Tara** ini pula adalah sebaliknya berbanding dengan fungsi yang dinyatakan pada **3.2.2.1**. Jika fungsi kata penghubung **Tara** sebelum ini mengandaikan perkara masa hadapan, fungsi ini pula menyatakan situasi yang sedang berlaku sekarang atau telah berlaku pada masa lampau. Pada fungsi ini, penutur menggambarkan situasi yang sebaliknya dapat dilihat apabila menggunakan fungsi ini iaitu yang lebih penting di sini ialah penutur ingin memberitahu keadaan yang sebenarnya berlaku sekarang atau pada waktu itu dengan menterbalikkan maksud ayat yang diujarkan. Fungsi ini digabungkan dengan ungkapan ‘*karini*’ – (sekiranya). Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

2. Karini densha ya basu ni norazuni _____, kanari jikan ga kakaru daro.

→Sekiranya melancang tanpa menaiki bas dan kereta, mungkin mengambil masa yang lama.

a. ryokoshiyotoshitara

b. ryokoshiyotosuruto

c. ryokoshiyotosurunara

10. Karini denwa ga _____, totomo fuben daro.

→Sekiranya tiada telefon, mungkin terlaku sukar (menjalani kehidupan).

a. naitosuruto

b. naitosurunara

c. naitoshitara

18. Karini, nihonju no denki ga _____, taihenna koto ni naru daro.
→ Sekiranya terputus elektrik di seluruh Jepun, mungkin akan menjadi (satu) perkara yang sukar.
- a. tomattatosuruto b. tomattatoshitara
c. tomattatosurunara

3.3.2.3 Kata Penghubung Nara - Bab 27 Bentuk Ayat No. 6, SNTGRC

Fungsi kata penghubung **Nara** ini pula ialah menjadikan sesuatu kata nama itu tajuk perbualan yang mempunyai skopnya tersendiri. Ia juga boleh ditukargantikan dengan kata penghubung **Ba** dan **Tara**. Contohnya ‘meshinaraba’ dan ‘meshidattara’ yang masing-masing bermaksud – (jika + katanama). Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

3. A:Koko de shashin o utsushite mo ii desu ka.
B:Koko dewa damedesu ga, _____ ii desu yo.
→A:Bolehkah saya mengambil gambar di sini?
B:Di sini tidak boleh, sekiranya di luar bangunan sana tidak mengapa.
- a. tatemono no soto de dato b. tatemono no soto de **denara**
c. tatemono no soto de **dattara**

11. Jusu wa arimasen ga, _____ arimasu.
→Jus tiada, tetapi sekiranya air ada.
- a. mizu dato b. mizunaraba c. mizunara

19. A:Anata wa arabiago ga dekimasu ka.
B:Iie, arabiago wa dekimasen ga, _____ dekimasu.
→A:Awak boleh berbahasa Arab ke?
B:Tidak, (saya) tidak boleh berbahasa Arab tetapi jika bahasa Inggeris boleh.
- a. eigo dato b. eigonaraba c. eigonara

3.3.2.4 Kata Penghubung To - Bab 19 Bentuk Ayat No. 4, SNTGRC

Fungsi kata penghubung **To** ini menunjukkan situasi yang sering atau berulang kali berlaku yang merangkumi **Penyataan logik**. Fungsi ini melibatkan dua peristiwa yang berlaku berturutan. Apabila kata kerja frasa pertama terjadi, sejurus itu kata kerja frasa kedua dengan semula jadinya atau dengan sendirinya pasti akan berlaku. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

4. Ichi ni ni o _____, san ni naru.

→Jika dicampurkan satu kepada dua menjadi tiga.

a. tasuto

b. tasunara

c. tashitara

12. Hi ga _____, atsuku naru.

→Apabila terbit matahari , (hari) akan menjadi panas.

a. deruto

b. dereba

c. derunara

20. Karada ga _____, shigoto ga dekimasan.

→Apabila lemah badan, tidak boleh buat kerja.

a. yowaito

b. yowainara

c. yowakattara

3.3.2.5 Kata Penghubung To - Bab 1 Bentuk Ayat No. 3, CNTGRC

Fungsi kata penghubung **To** ini menunjukkan situasi yang sering atau berulang kali berlaku, yang merangkumi **Penyataan kelaziman/kebiasaan** dari segi faktor geografi,

pengetahuan am dan sebagainya. Fungsi ini digabungkan dengan ungkapan ‘*amari*’ – (terlalu) atau (berlebihan). Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

5. Amari takusan _____, futorimasu.

→Jika makan terlalu banyak, akan menjadi gemuk.

a. taberuto

b. taberunara

c. tabetara

13. Amari yasumi ga _____, naratta kotoba o wasurete shimau.

→Jika terlalu panjang cuti, akan terlupa perkataan yang telah dipelajari.

a. nagaito

b. nagainara

c. nagakattara

21. Amari _____, byooki ni narimasu.

→Jika terlalu banyak belajar, akan mendapat sakit.

a. benkyoshisugiruto

b. benkyoshisugitara

c. benkyoshisugirunara

3.3.2.6 Kata Penghubung Ba - Bab 21 Bentuk Ayat No. 1, SNTGRC

Fungsi kata penghubung **Ba** ini tidak menggambarkan situasi yang sering atau berulang kali berlaku. Fungsi ini juga seolah-olah menjadikan kata kerja frasa pertama had atau lingkungan yang telah ditetapkan untuk kata kerja frasa kedua berlaku. Fungsi ini digunakan apabila meneka sesuatu yang masih belum berlaku atau masih belum diketahui.

Situasi ini mengandaikan sekiranya kata kerja frasa pertama terjadi, maka kata kerja frasa kedua pasti berlaku. Seiringan dengan itu juga, secara tidak langsung, penutur menggambarkan situasi yang sebaliknya. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

6. Ame ga _____, gaishutsushima.

→Jika tidak hujan, (saya) akan keluar.

- a. furanaito b. furanakereba c. furanakkattara

15. Kono daigaku no _____, kaigishitsu no ryokin o harawanakutemo ii desu.

→Jika pelajar universiti ini, bayaran sewa bilik mesyuarat tidak perlu dibayar.

- a. gakusedato b. gakusenaraba c. gakusenara

22. Kusuri o _____, netsu ga sagarimasu.

→Jika minum ubat, demam akan berkurangan.

- a. nomeba b. nondara c. nomunara

3.3.2.7 Kata Penghubung Ba - Bab 1 Bentuk Ayat No. 4, CNTGRC

Fungsi kata penghubung **Ba** ini pula menyatakan situasi yang sedang berlaku sekarang atau telah berlaku pada masa lampau. Penutur menggambarkan situasi yang sebaliknya dapat dilihat apabila menggunakan fungsi ini iaitu lebih penting di sini ialah penutur ingin memberitahu keadaan yang sebenarnya berlaku sekarang atau pada waktu itu dengan menterbalikkan maksud ayat yang diujarkan. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

7. Joshi daigaku wa, _____, hairenai.

→ Di universiti perempuan, jika bukan perempuan, tidak boleh masuk.

- a. josedenakereba b. josedenaito c. josedenainara

17. Kono kanji wa, jisho o _____, imi ga wakaranai.

→ Kanji ini, jika tidak melihat kamus, tidak akan tahu maksudnya.

- a. hikanaito b. hikanakereba c. hikanainara

23.Nedan ga _____, kono ie o kaimasu.

→Jika murah harganya, (saya) akan beli rumah ini.

a. yasuito

b. yasukereba

c. yasukattara

3.3.2.8 Kata Penghubung Ba - Bab 13 Bentuk Ayat No. 8, CNTGRC

Bagi fungsi kata penghubung **Ba** ini, pada frasa pertama, kata nama yang digunakan digabungkan dengan partikel 'sae'. Dalam situasi begini, kata nama itu dianggap yang paling penting dan diperlukan dan benda-benda selain daripadanya adalah tidak atau kurang penting. Contoh dari ujian yang diberikan ialah :

8. Ima wa okane sae _____, nan demo kaeru jidai da.

→Sekarang merupakan zaman di mana jika hanya ada duit orang boleh membeli apa saja.

a. aruto

b. areba

c. arunara

16.Gakko wa shiken sae _____, tanoshi tokoroda.

→Di sekolah jika hanya peperiksaan yang tiada, sudah tentu (sekolah) menjadi tempat paling seronok.

a. naito

b. nakereba

c. nainara

24.Karada sae _____, zaisan ga nakute mo, shiawase da.

→Hanya tubuh yang sihat diperlukan, harta tiada pun tidak mengapa, itu sudah cukup bahagia.

a. jobudato

b. jobunaraba

c. jobudattara

3.4 Cara Data Dianalisa

3.4.1 Pengenalan

Pada peringkat pengenalan, penyelidik akan cuba mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh responden. Seterusnya penyelidik akan membuat pengiraan peratus kesilapan mengikut turutan prosedur-prosedur seperti berikut :

3.4.1.1 Prosedur Penganalisaan Data Meliputi Setiap Jenis Fungsi Kata Penghubung

1. Taburan kekerapan kesilapan bagi ketiga-tiga soalan bagi setiap fungsi kata penghubung akan ditunjukkan dalam bentuk graf supaya perbandingan dapat dilihat antara pilihan jawapan a, b dan c. Pilihan jawapan yang betul akan dihitamkan pada graf.

2. Peratus kesilapan setiap soalan

$$\frac{\text{Bilangan responden yang melakukan kesilapan bagi setiap soalan} \times 100}{76 \text{ orang responden}}$$

3. Peratus keseluruhan kesilapan setiap fungsi kata penghubung

$$\frac{\text{Jumlah bilangan responden yang melakukan kesilapan bagi ketiga-tiga soalan} \times 100}{3 \times 76 \text{ orang responden}}$$

4. Purata bilangan responden yang melakukan kesilapan

$$\frac{\text{Jumlah bilangan responden yang melakukan kesilapan bagi ketiga-tiga soalan}}{3}$$

3.4.1.2 Prosedur Penganalisaan Data Meliputi Setiap Kata Penghubung

1.Kata Penghubung To

Jumlah 9 soalan kesilapan bagi fungsi kata penghubung To $\times 100$
3 fungsi kata penghubung **To** \times 3 soalan \times 76 responden

2.Kata Penghubung Ba

Jumlah 9 soalan kesilapan bagi fungsi kata penghubung Ba $\times 100$
3 fungsi kata penghubung **Ba** \times 3 soalan \times 76 responden

3.Kata Penghubung Tara

Jumlah 15 soalan kesilapan bagi fungsi kata penghubung Tara $\times 100$
5 fungsi kata penghubung **Tara** \times 3 soalan \times 76 responden

4.Kata Penghubung Nara

Jumlah 2 soalan kesilapan bagi fungsi kata penghubung Nara $\times 100$
2 fungsi kata penghubung **Nara** \times 3 soalan \times 76 responden

3.4.2 Penggolongan Kesilapan

Penyelidik akan menggolongkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan mengikut dua kategori :

1. Meliputi setiap fungsi kata penghubung
2. Meliputi setiap kata penghubung

Penggolongan kesilapan-kesilapan ini dilakukan untuk mengetahui tahap penguasaan responden terhadap setiap fungsi kata penghubung dan setiap kata penghubung. Peratus keseluruhan kesilapan yang didapati akan digredkan mengikut jadual/skala pemberian markah oleh Sekolah Menengah Atas (Kerajaan) yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan yang telah digunakan oleh Choong (1993).

Jadual 3.1

Jadual/Skala Pemberian Markah Tahap Penggunaan Pelajar

Peratus Kesilapan	Gred	Tahap
0~25	A	Amat Baik
26~40	B	Baik
41~50	C	Sederhana
51~60	D	Lemah
61~100	E	Amat Lemah

3.4.3 Penjelasan Kesilapan

Setiap kesilapan yang dilakukan oleh responden perlu diberikan penjelasan.

Penjelasan meliputi dua kategori :

1. Meliputi setiap fungsi kata penghubung
2. Meliputi setiap kata penghubung

Penjelasan ini juga dapat mengenal pasti sebab-sebab seperti berlaku kesilapan interlingual dan intralingual. Oleh sebab itu penyelidikan ini dijalankan berdasarkan kaedah Analisis Kesilapan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana linguistik seperti Richards. J.C., Nemser, W. dan Selinker, L. yang berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan kesilapan dalam pembelajaran bahasa terutama bahasa kedua berlaku disebabkan oleh pengaruh daripada bahasa ibunda (*interlingual*) dan juga disebabkan oleh proses pembelajaran bahasa kedua itu sendiri (*intralingual*).

3.5 Kesimpulan

Pada Bab 3 ini, penyelidik telah membincangkan mengenai latar belakang sampel penyelidikan iaitu 76 orang pelajar Melayu sesi 1998/1999 PPKTJ. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang menggunakan buku SNTGRC dan CNTGRC sebagai buku teks utama dalam pembelajaran asas BJ selama 638 jam iaitu dalam dua semester.

Penyelidik juga telah membincangkan kaedah pengumpulan data yang meliputi satu ujian objektif. Ujian yang dikemukakan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Satu dan Bahagian Dua. Bahagian Satu mengandungi 15 soalan dan Bahagian Dua pula mengandungi 24 soalan. Responden dikehendaki memilih satu jawapan sahaja di antara a, b dan c yang diberikan.

Penyelidik juga telah menjelaskan bagaimana data dianalisa dengan menggunakan peratus kesilapan yang telah dilakukan oleh para responden. Pada peringkat awal, penyelidik akan cuba mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh responden. Seterusnya penyelidik akan membuat pengiraan peratus kesilapan mengikut turutan prosedur-prosedur seperti yang telah dibincangkan pada **3.4.1.1** dan **3.4.1.2**.

Penyelidik juga telah menjelaskan bagaimana pengolongan dan penjelasan kesilapan akan dilakukan. Setiap prosedur ini akan meliputi setiap fungsi kata

penghubung yang telah dibincangkan pada **3.4.2** dan **3.4.3** dan setiap kata penghubung iaitu **To**, **Ba**, **Tara** dan **Nara**.

Pada bab seterusnya iaitu Bab 4, penyelidik akan membincangkan data-data analisa yang telah diperolehi untuk menjelaskan dan mengenal pasti kesilapan yang telah dilakukan oleh para responden.